

Mengenai Program Sumbangan Direct Debit :

Program sumbangan Direct Debit dilaksanakan bagi memberi peluang kepada penyumbang yang ingin membuat sumbangan secara ISTIQAMAH kepada WADAH dengan cara yang lebih mudah. Program ini adalah kerjasama WADAH dengan pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Pihak Bank Islam akan membantu menjadi perantara antara penyumbang dengan bank penyumbang (bank-bank lain) untuk menguruskan pemotongan sumbangan ke dalam akaun WADAH. Sumbangan tetap ini diharap dapat membantu WADAH memastikan program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berterusan dengan suntikan dana daripada anda yang telah menyumbang secara tetap.

Penerangan cara-cara untuk mengisi borang Direct Debit (rujuk contoh borang di bawah)

1. Pilih Jenis Permohonan
 - Bagi pemohon yang baru, tandakan pada kotak permohonan baru.
 - Bagi pemohon sedia ada yang ingin mengemaskini maklumat peribadi atau jumlah sumbangan, tandakan pada kotak kemaskini.
 - Bagi pemohon sedia ada yang ingin menamatkan sumbangan, tandakan pada kotak pembatalan.
2. Isikan nama pemegang akaun
 - Isikan nama penuh anda seperti dalam kad pengenalan (IC)
3. Isikan nombor ID
 - Pilih dan tandakan jenis ID yang sesuai dan isikan nombor ID anda.
4. Isikan nombor akaun
 - Isikan nombor akaun anda sama ada akaun simpanan atau semasa.
5. Isikan nombor telefon anda.
6. Isikan kod bank bagi akaun anda (rujuk senarai di bawah)

Nama Bank	Bank Abbreviation
Bank Islam	BIMB
Maybank	MBB
CIMB Bank	CIMB
Public Bank	PBB
Hong Leong Bank	HLB
OCBC Bank	OCBC
Citibank	CITI
Standard Chartered	SCB
RHB Bank	RHB
HSBC Bank	HSBC
Bank Rakyat	BKRM
Affin Bank Berhad	ABB
Bank Muamalat	BMMB

7. Isikan alamat e-mel anda (jika ada)
8. Isikan jumlah pemotongan pilihan
 - Tetapkan jumlah pemotongan yang ingin dibuat.
9. Tetapkan mod kekerapan
 - Pilih dan tandakan pada kotak harian, mingguan, bulanan atau tahunan. Sekiranya anda memilih bulanan, penolakan akan dibuat sebulan sekali.
10. Tetapkan tarikh pengaktifan pemotongan
 - Disarankan tarikh mula pemotongan adalah 20 hari selepas borang diserahkan untuk diproses. Contoh, Borang diisi pada 1 Jun 2019, tarikh pengaktifan disarankan adalah bermula 21 Jun 2019.
11. Tarikh tamat pemotongan (jika ada)
12. Tandatangan
 - Tandatangan hendaklah sama seperti di dalam sistem bank.

Penerangan cara-cara pemprosesan borang Direct Debit (rujuk aliran carta di bawah)

1. Dapatkan borang Direct Debit :
 - Daripada wakil di Pejabat Kewangan Wadah Pusat, Bandar Baru Bangi, Selangor
 - Dengan memuat turun dari website kami <http://www.wadah.org.my>
 - Borang asal mestilah dicetak, borang fotokopi adalah TIDAK DIBENARKAN
2. Isikan borang Direct Debit (boleh lihat contoh cara mengisi di atas) dan hantar ke Pejabat Wadah Pusat seperti alamat di bawah (pastikan borang yang dihantar adalah asal).
 - No.23A-2-2A, Tingkat 2, Jalan Pusat Bandar 2A, Seksyen 9, Pusat Bandar Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
3. Pemprosesan borang Direct Debit :
 - Pegawai Wadah akan memproses borang Direct Debit anda dan kami akan menghantar borang Direct Debit anda ke pihak Bank Islam Malaysia Berhad untuk proses selanjutnya. Proses pendaftaran mengambil masa sekitar 25 hari bekerja.
4. Proses penolakan
 - Sebaik sahaja borang Direct Debit siap diproses, proses penolakan akan bermula mengikut tarikh penolakan pertama pilihan anda
 - Sila pastikan terdapat baki yang mencukupi bagi membolehkan pemotongan berjaya dilakukan.
5. Jika terdapat sebarang masalah boleh terus berhubung dengan kakitangan kami di:
Telefon : 03-89202142
Email : wadah.kew@gmail.com